

**KAJIAN PERANCANGAN KEMUDAHAN AWAM DI  
PERHENTIAN BOT EKSPRES BINTAWA, KUCHING, SARAWAK.**

Oleh

**HELMI BIN ACHER**

**Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam**

**Oktober 1999**

## PENGHARGAAN

### ***“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih”***

*Bersyukur ke hadirat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniannya maka dapatlah saya menyiapkan kajian akhir saya di dalam masa yang telah ditetapkan. Dengan kejayaan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada **Puan Hazlina Bte Hamdan**, yang merupakan penyelia Kajian Akhir saya. Beliau banyak membantu saya, memberi pandangan serta teguran dan juga nasihat sepanjang saya menyediakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada ayahanda dan bonda, berkat doa dan sokongan maka dapatlah saya menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada saudari Salina bte Shaffie dan saudara Mohd. Arbi b. Bes yang telah membantu saya mendapatkan segala maklumat yang diperlukan. Begitu juga kepada para Pensyarah-Pensyarah di Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, ITM Shah Alam, para staf Jabatan Tanah dan Survei Sarawak serta orang perseorangan yang terlibat secara langsung di dalam penyediaan kajian ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan, terima kasih di atas kerjasama. Banyak pengalaman yang kita lalui bersama dan ia banyak memberi pengajaran yang berguna. Semoga segala usaha selama ini diberkati dan dirahmati Allah s.w.t.*

*Wassalam... ..*

## ABSTRAK

Pengangkutan air merupakan satu mod pengangkutan yang popular di Sarawak. Memandangkan kebanyakan penempatan adalah terletak di tepi sungai maka, ia dijadikan sebagai salah satu jenis pengangkutan.

Salah satu jenis pengangkutan yang popular di negeri Sarawak ialah pengangkutan bot ekspres. Perhentian Bot Ekspres Bintawa, Kuching merupakan satu perhentian bot ekspres yang utama di negeri Sarawak. Oleh kerana kepentingannya sebagai satu pangkalan utama bot ekspres, maka penyediaan kemudahan awam di kawasan tersebut adalah penting. Ini adalah untuk memastikan agar perhentian tersebut dapat memberi perkhidmatan yang baik dan bermutu kepada para pengguna. Selain itu, penyediaan kemudahan awam ini juga akan memberi keselesaan kepada para pengguna yang menggunakan perkhidmatan ini.

Namun terdapat pelbagai masalah mengenai penyediaan kemudahan awam di perhentian bot ekspres ini. Antara masalah yang dihadapi adalah dari segi penyelenggaraan, lokasi, perlengkapan dan sebagainya. Permasalahan ini menyebabkan kemudahan ini tidak berfungsi sebagaimana yang diharapkan.

Peranan pihak berkuasa tempatan di dalam menyelesaikan masalah ini adalah sangat penting. Ini kerana mereka mempunyai pelbagai sumber yang boleh digunakan untuk memperbaiki serta meningkatkan lagi mutu kemudahan awam di perhentian bot ekspres terbabit. Komitmen yang berterusan daripada pihak berkuasa tempatan mengenai penyediaan kemudahan awam di kawasan ini akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan bot ekspres. Selain memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna terjamin.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	vi
Senarai Rajah	vii
Senarai Lampiran	viii

## **KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

### **BAB 1 PENGENALAN KAJIAN**

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Kenyataan Masalah	2
1.2	Tujuan Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Kawasan Kajian	5
1.6	Pendekatan Kajian	5
1.7	Kesimpulan	8

### **BAB 2 KAJIAN TEORITIKAL**

2.0	PENDAHULUAN	9
2.1	Definisi Kemudahan Awam	10
2.2	Komponen-Komponen Kemudahan Awam	13
2.3	Mengukur Keperluan Kemudahan Awam	14
2.4	Jenis-Jenis Kemudahan Awam Dan Kepentingannya	
2.4.1	Kemudahan Keselamatan	15
2.4.2	Kemudahan Perhubungan	17
2.4.3	Kemudahan Rekreasi	18
2.4.4	Kemudahan Pengangkutan Awam	19
2.4.5	Kemudahan Pungutan Sampah	21
2.4.6	Kemudahan Keagamaan	21
2.5	Fungsi Dan Kepentingan Kemudahan Awam	23

# **BAB 1**

## **Pengenalan Kajian**

### **1.0 PENDAHULUAN**

Perkhidmatan bot ekspres merupakan salah satu kemudahan pengangkutan yang terpenting di negeri Sarawak. Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan yang tertua serta menghubungkan bahagian-bahagian di negeri Sarawak.

Peranan bot ekspres ini menjadi semakin penting pada masa kini, walaupun sudah ada perkhidmatan lain seperti kapal terbang dan bas. Namun perkhidmatan bot ekspres ini tetap menjadi pilihan pengguna kerana ia menjimatkan selain keselesaan.

Oleh kerana perkhidmatan ini semakin menjadi pilihan, maka beberapa faktor perlu diambilkira dalam meningkatkan lagi peranan dan mutu perkhidmatan bot ekspres ini. Contohnya faktor persekitaran sama ada dari segi aspek fizikal dan sosial.

Penyediaan kemudahan-kemudahan awam di kawasan perhentian bot ekspres harus dititikberatkan. Penyediaan kemudahan awam yang lengkap serta berfungsi akan dapat memastikan keselesaan kepada pengguna dan dapat meningkatkan mutu perkhidmatannya.